# Kos haji Muassasah tahun ini RM33,300

## TH tetap kadar bayaran bakal haji kali pertama B40 RM12,356, M40 RM19,152

Oleh Latifah Ariffin
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lembaga Tabung Haji (TH) menetapkan kadar bayaran bagi bakal haji Muassasah kumpulan B40 yang kali pertama menunaikan ibadah itu ialah RM12,356 seorang tahun ini, manakala RM19,152 bagi kumpulan M40.

Jumlah itu mencatat kenaikan berbanding tahun lalu yang mana B40 membayar RM10,980 manakala M40, RM15,980.

Bagi golongan T20 pula, sebagaimana tahun lalu, jemaah dikehendaki membuat bayaran penuh, iaitu RM33,300.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Syed Hamadah Syed Othman, berkata ini susulan kos haji bagi seorang bakal haji Muassasah untuk musim haji tahun ini meningkat kepada RM33,300 [illegible]

B40, kerajaan akan menanggung sebanyak RM1,000 seorang. Dengan itu, bakal haji kumpulan B40 akan menerima Bantuan Kewangan Haji dan bantuan kerajaan berjumlah RM20,944 seorang atau bersamaan dengan 63 peratus daripada kos haji.

"Bayaran haji untuk bakal haji Muassasah kumpulan M40 yang pertama kali menunaikan ibadat haji pula adalah RM19,152 seorang. Mereka menerima bantuan kewangan haji RM14,418 seorang atau 42 peratus daripada keseluruhan kos haji," katanya pada sidang media Pengumuman Surat Tawaran dan Bayaran Haji 1445H/2024M di Menara TH, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Eksekutif TH, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman.

### Kontrak jangka panjang

Syed Hamadah berkata, kenaikan kos haji meliputi seluruh rantaian perkhidmatan haji iaitu penginapan, penerbangan, sajian, visa, perkhidmatan semasa di tanah air dan di Tanah Suci.

Ia turut termasuk operasi masyair, pengangkutan, kos pengurusan kebajikan serta kesihatan jemaah haji dan kos operasi lain.

Malah, katanya, TH turut ter- [illegible]

makanan dan beberapa perkhidmatan di Arab Saudi.

"Walaupun berlaku kenaikan kos haji, TH tetap mencari kaedah terbaik mengimbangi usaha memberi perkhidmatan cemerlang demi kebajikan jemaah negara di samping mengekalkan kelestarian kedudukan kewangan.

"Sejak 2001, TH membelanjakan sejumlah RM2.4 bilion bagi bantuan kewangan haji dan dijangka membiayai kos sebanyak RM350.1 juta bagi musim haji kali ini," katanya.

Beliau berkata, surat tawaran kepada 31,600 jemaah bagi musim haji 1445H/2024M dikeluarkan bermula semalam.

Bakal haji perlu menjawab surat tawaran terbabit dalam tempoh 11 hari bekerja menerusi aplikasi THiJARI.

*Syed Hamadah (kanan) dan Syed Saleh pada sidang media Pengumuman Surat Tawaran dan Bayaran Haji 1445H/2024M di Menara TH, semalam.* (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Mengenai bakal haji yang membuat rayuan di luar giliran, Syed Hamadah berkata, mereka perlu membayar kos haji penuh melainkan bagi dua kategori, iaitu rayuan sebagai mahram kepada jemaah dan sebagai pembantu kepada jemaah lanjut usia yang terpilih menunaikan rukun Islam kelima itu.

Sementara itu, Syed Saleh ketika mengulas isu kenaikan kos haji yang mungkin memberi impak kepada kelompok tertentu, terutama B40, berkata penetapan kadar dibuat mengikut semak silang data disediakan kerajaan.

"Penentuan (kadar) bagi B40, M40 dan T20 ini adalah daripada semak silang dengan data daripada kerajaan.

"Jadi, kita akan bergantung sepenuhnya kepada data ini," katanya.

### BAYARAN HAJI DAN BANTUAN KEWANGAN HAJI (HAFIS) MENGIKUT KUMPULAN BAGI MUSIM HAJI 1445H/2024

| KATEGORI JEMAAH HAJI MUASSASAH | BAYARAN HAJI | PERATUSAN BAYARAN DARI KOS HAJI | BANTUAN KEWANGAN HAJI (HAFIS) | PERATUSAN HAFIS |
|---|---|---|---|---|
| Kumpulan B40 | RM12,356 | 37% | RM20,944** | 63% |
| Kumpulan M40 | RM19,152 | 58% | RM14,148 | 42% |

"Satu-satunya cara yang berdaya maju ke hadapan adalah penubuhan sebuah negara Palestin yang bebas dan merdeka, selaras penyelesaian dua negara isu mendesak berkait keamanan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) kerana membiarkan mereka dimanipulasi dan lumpuh, tidak dapat bertindak balas terhadap tanpa menunjukkan kesan bakal berhenti.

"Portal eHO disediakan untuk graduan perubatan memilih lokasi pilihan untuk penempatan mereka, namun adakah mereka memohonnya dan adakah graduan-